

PM hurai punca selisih faham

SHAH ALAM, Jumaat — Perselehan pendapat antara parti-parti komponen Barisan Nasional sehingga terkeluarnya kata-kata yang menyinggung parti kawan berpunca daripada kurangnya kefahaman mengenai dasar-dasar kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi mengatasi masalah ini, Perdana Menteri menyeru semua wakil rakyat parti-parti komponen BN supaya memahami secara mendalam dasar-dasar kerajaan, latar belakangnya, rasionalnya dan objektifnya.

Katanya, ada beberapa wakil rakyat di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri tidak mengetahui peraturan majlis mesyuarat, isu-isu dan implikasi sesuatu rang undang-undang itu dibentangkan.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-34 di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi peringatannya kepada ahli-ahli parti komponen supaya mengambil kira kesan terhadap perpaduan BN dan perpaduan kaum ketika membuat teguran.

"Dalam Barisan Nasional ada pelbagai saluran untuk menyuarakan pera-

Oleh ROSLAN ALI

saan tidak senang terhadap dasar atau pelaksanaan dasar. Bahkan bagi parti-parti besar, Kabinet juga boleh digunakan sebagai saluran.

"Melalui cara dan saluran ini pembentukan dan penjelasan yang terperinci boleh dibuat tanpa menyinggung perasaan parti, ahli atau pemimpin kecil komponen Barisan Nasional yang lain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, jika sesuatu pendapat atau pendirian diketahui umum, sukurlah untuk mereka yang mengucapkannya bertolak ansur dan mereka akan mempertahankan pendirian itu walaupun sudah jelas asasnyalah salah.

"Kata pepatah Melayu, menegakan benang yang basah. Akan rugilah Barisan Nasional dan akan rugilah negara kerana perbalahan yang tidak berasas dan tidak bermanfaat," ujarnya.

Beliau juga mengingatkan parti-parti komponen BN supaya tidak melampaui batas demokrasi sehingga menghancurkan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Jika kita percaya kepada suara majoriti, kita mesti patuh kepada majoriti," katanya.

Beliau menambah, kepentingan minoriti juga terpelihara dalam demokrasi, tetapi demokrasi menjadi tidak bermakna jika minoriti boleh menggunakan taktik haram untuk mengganggu majoriti.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, demokrasi di Malaysia kekal kerana sebahagian besar rakyat faham cara menggunakan demokrasi, haknya dan tidak terpengaruh dengan hasutan pihak yang berjuang bagi kepentingan sendiri.

"Di Malaysia, yang benar-benar faham sistem demokrasi dan menggunakannya dengan baik ialah Barisan Nasional," jelasnya.

Menurutnya, jika Malaysia tidak mempunyai Perikatan dan kemudian BN, berpuluh parti akan bertanding dan tidak satu yang akan memperoleh cukup wakil bagi menubuhkan kerajaan.

Perdana Menteri juga menegur pihak yang menganggap demokrasi sebagai kebebasan membuat apa sahaja atau bila mereka mendapat kuasa melalui demokrasi mengganggu mereka boleh menyalahgunakan kuasa ini.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada MIC kerana berpendirian tegas menyokong Dasar Ekonomi Baru dan kesanggupannya menyelesaikan soal-soal dasar itu melalui saluran yang ada.